



Submission date: 02/06/2024 Accepted date: 24/8/2024 Published date: 15/10/2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol31no1.531>

## **PERSPEKTIF NABAWI MELALUI PENDEKATAN SABAR DALAM INSTITUSI KEKELUARGAAN**

***The Patient Approach in the Family Institution Through Prophetic Sunnah***

Abu Dzar Ahmad<sup>a</sup>, Ahmad Haiqal Fitri Ahmad Fuad<sup>b</sup>, Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi<sup>c</sup>, Muhamad Razif Ahmad<sup>d</sup>, Mohd Arif Nazri<sup>e</sup>

<sup>a,b,c,d</sup> Jabatan Quran dan Sunnah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah,  
Jalan Gambang, 25150 Kuantan Pahang, Malaysia.

<sup>e</sup> Pusat kelestarian Turath Islami, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi  
Selangor, Malaysia.

Corresponding email: haafiz@unipsas.edu.my

### **Abstract**

Religion extols patience as a quality that demonstrates the brilliance of prophets. However, the community's environment shatters the social order to control the temper and scratch the harmony in the neighbourhood community. The signs of anger are worrisome, and many situations involve many highly frightening levels of the community. As a result, the Prophet PBUH has been a great example of patience that people try to imitate, and he also represents the moral values of Muslim civilization. Both primary and secondary sources of literature are cited in this study. Additionally, content analysis using the deductive and thematic approaches is used in this study. The study's findings found that human moral development can balance spiritual and physical development. It is fundamental to practice patience in daily activities. As a result, character development in the community is prioritised in daily practice while maintaining the prophetic element, which can promote a certain level of harmony among neighbours while upholding the tradition of confronting life.

**Keywords:** Patience, approach, prophetic touch, family institution.

## Abstrak

Elemen sabar merupakan salah satu sifat yang meneladani sifat-sifat keunggulan nabawi. Namun, institusi kekeluargaan yang gagal mengawal emosi marah mengakibatkan ketirisan ketenteraman dan mencalarkan keharmonian dalam komuniti. Kes-kes yang melibatkan pergeseran akibat tekanan dan persekitaran memberi implikasi marah telah menular dalam gaya hidup komuniti berkeluarga malahan gejala tersebut amat membimbangkan. Oleh itu, pendekatan sabar wajar diteladani berdasarkan pengamalan yang dianjurkan Nabi SAW. Implementasi sifat sabar mencerminkan etika akhlak masyarakat muslim sebenar. Kajian ini menggunakan kepustakaan menerusi sumber primer dan sekunder. Kajian ini juga menggunakan analisis kandungan mengikut kaedah deduktif dan tematik. Dapatkan kajian mendapat pembangunan moral insan boleh mengimbangi pembangunan rohani dan jasmani. Komponen sifat sabar perlu dipraktikkan dalam pembangunan sahsiah hidup berkeluarga bahkan amat ditekankan dalam amalan harian. Justeru, sabar juga merupakan elemen perspektif nabawi yang boleh menghidupkan keharmonian dalam institusi kekeluargaan malah dapat meneruskan legasi kehidupan yang kian mencabar dalam lapangan masyakarat.

Kata kunci: Sabar, pendekatan, perspektif nabawi, institusi kekeluargaan.

## PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang menerapkan sifat-sifat mahmudah untuk diamal dan dipraktikkan dalam kehidupan sejagat. Salah satu daripadanya ialah sifat sabar yang menterjemahkan asas dalam membentuk akhlak rabbani seorang muslim (Mohd Yusuf Ismail dan Syed Najihuddin Syed Hassan, 2011). Kesabaran merupakan sebahagian kunci keharmonian dalam institusi kekeluargaan bagi menempuh situasi yang sukar dan rumit dalam menjalani kehidupan sehari-hari (Rusydi Room, 2013). Sifat sabar juga mampu menghindari segala perbuatan maksiat yang dilarang-Nya. Hakikatnya, sifat sabar merupakan suatu kurikulum amali yang mampu menyelesaikan masalah ketirisan yang melibatkan persekitaran pelbagai peringkat termasuk institusi kekeluargaan (Muhammad Nubli, 2007).

Lee Lam Thye menyatakan bahawa institusi keluarga yang kukuh, stabil dan bahagia tidak akan mudah terpengaruh dengan gejala sosial sekiranya dipelihara dengan baik dan tenteram. Beliau menjelaskan lagi masalah moral tidak dapat ditangani dengan baik dan berkesan sekiranya ketirisan sosial berlaku dalam keluarga dengan serius sebagaimana dinyatakan dalam Berita Harian bertarikh 2 April 2017 (Hazwan Faisal Mohamad, 2017). Justeru, kemahiran interaksi dan tingkah laku ibu bapa perlu ditunjukkan dalam ‘content, emotions dan reaction’ supaya ditontoni dan

dicontohi bagi memperkasakan keluarga untuk menangani gejala sosial. Memupuk sikap dan nilai yang baik menjadi asas pembentukan keluarga yang stabil, positif, jati diri dan bahagia (Sukino, 2018). Sinar Harian bertarikh 27 Januari 2021 (Norzina Yahaya, 2021) memetik satu kenyataan daripada Dr. Harris Shah Abd Hamid menjelaskan tentang faktor keluarga menjadi punca utama tekanan dan ketidakseimbangan kepada diri seseorang untuk berhadapan dengan orang lain. Tambahan beliau sebagai Ketua Kluster Psikometrik, Universiti Malaya (UM), institusi keluarga adalah agen sosialis terawal dalam mencorak ideologi dan tingkah laku. Oleh itu, tekanan merupakan satu tindak balas yang berpunca daripada sesuatu bebanan yang menimpa individu dalam sesebuah institusi kekeluargaan dan boleh mewujudkan ancaman, cabaran atau perubahan moral yang ketara dalam hidup serta memberi kesan kepada anak-anak seperti mengalami tekanan dan emosi yang tidak seimbang (Nur Yani Che Hussin, 2020).

Sehubungan dengan itu, Astro Awani bertarikh 13 Disember 2022 (Madihah Mohamad Shukri, 2022) mengulas mengenai struktur demografi di tempat kerja telah memberi implikasi perubahan struktur demografi di tempat kerja dan corak institusi kekeluargaan. Beliau juga merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Psikologi dan Kaunseling di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menjelaskan tuntutan kerja yang melibatkan kaum perempuan semakin meningkat. Hal ini menyebabkan individu yang berkeluarga mempunyai tenaga dan waktu yang terbatas untuk menguruskan hal ehwal rumah tangga. Oleh itu, faktor persekitaran di tempat kerja yang banyak menggunakan tenaga dan masa telah mempengaruhi ketegangan mood sehingga berlaku konflik tindakbalas secara fisiologi yang negatif malahan menular dalam tingkah laku dan komunikasi.

Menurut Ku Zaimah Che Ali dan Mardzelah Makhsin (2019) orang yang sentiasa memupuk amalan perbincangan dua hala tanpa mempamerkan emosi yang negatif dalam percakapan boleh mendatangkan persekitaran yang damai. Rentetan itu, sifat sabar merupakan kemuncak seseorang hamba dalam merealisasikan ketaatan kepada Tuhan. Sifat sabar juga adalah sifat paling agung yang mudah diungkap tetapi payah dalam pengamalannya. Hal ini bertepatan sebagaimana kenyataan yang diulas oleh Abu al-'Abbas Ahmed bin Abdul Halim (Al-Mazyad, 2012) tentang sifat sabar menjadi benteng keyakinan yang kukuh dalam menghadapi persekitaran kehidupan yang penuh rintangan dan ujian.

## **IMPLIKASI TIDAK MEMUPUK SIFAT SABAR DALAM PERILAKU**

Marah merupakan satu sikap dari emosi yang tercela dan dorongan marah yang timbul dalam diri manusia disebut sebagai human aggressive (Abd Jalil Borham, 2007). Justeru, sikap marah ini kebiasaannya muncul apabila sesuatu terjadi di luar dugaan tanpa sedar. Sifat marah dimiliki oleh setiap emosi dalam diri manusia mengikut gaya hidup yang terganggu malahan serangan persekitaran yang menyentuh perihal

berkaitan diri dan seagkatannya (Onong Uchjana Effendi, 2000). Dorongan sifat marah boleh membuat disebabkan dua faktor. Pertama, faktor internal, iaitu perasaan yang diganggu ketika di dalam kesibukan hal-hal harian sehingga membangkitkan sifat kemarahan. Manakala, kedua ialah faktor external, iaitu ancaman atau provokasi dari luar. Kedua-dua faktor ini juga mengakibatkan individu yang tidak mampu mengurus kendiri menyebabkan berlaku pergeseran persekitaran yang tidak dijangka penyudahannya. (Nur Yani Che Hussin, 2020).

Ekspresi marah seseorang itu bergantung dari sudut pengendalian marah yang dikawal oleh individu tersebut. Menzahirkan sifat amarah tersebut dengan cara memaki, memukul, atau merosakkan barang seseorang menjadikan emosi seseorang itu negatif (Fuad Anshori, 2002). Satu kajian dari Harvard School of Public Health menyatakan pengurusan marah paling penting perlu dikendalikan adalah golongan muda. Penemuan menunjukkan bahawa kumpulan belia yang menghadapi masalah cenderung menzahirkan sikap marah bakal menghadapi risiko yang lebih parah untuk hubungan interpersonal yang terjejas (al-Munajjid, 2014). Menurut M. M. Zafir dan Fazilah M. H. (2006) ketidakstabilan kesihatan mereka yang berisiko mudah menghadapi masalah jika kecenderungan sifat marah menjadi kelaziman dalam diri bahkan menghasilkan personaliti yang negatif. Oleh yang demikian, seseorang yang mengekspresikan marah secara senyap tidak akan mengungkap malah memendam perasaan boleh menjadi punca pembuluh darah di otaknya pecah sekali gus menjadi salah satu faktor seseorang boleh terkena penyakit strok selain daripada punca pemakanan (WHO 2003). Islam amat menitikberatkan penjagaan diri sama ada dalaman maupun luaran. Tambahan pula, sifat marah ini sebenarnya datang dari Syaitan. Ibn Qayyim al-Jauziyah (2019) pernah mengungkap satu kenyataan:

ثَلَاثَةُ أَبْوَابٍ يَدْخُلُ مِنْهَا الشَّيْطَانُ عَلَى الْعَبْدِ: أَحَدُهُمَا: الْغَفْلَةُ، وَالثَّانِي: الشَّهْوَةُ، وَالثَّالِثُ:  
الْعَصْبَةُ

Maksudnya: 3 pintu perbuatan yang membolehkan syaitan menyusur masuk dalam diri manusia. Pertama, kelalaian. Kedua, nafsu syahwat. Ketiga, marah.

Rentetan itu, sebagai muslim yang bertamadun, menerapkan nilai sabar dan berusaha menjauhi sifat marah amat dituntut agama. Abu Hurairah RA merakamkan sebuah hadis berdasarkan pesanan Rasulullah SAW:

لَا تَعْضَبْ، فَرَدَّدَ مِرَارًا، قَالَ: لَا تَعْضَبْ

Maksudnya: Jangan marah. Kemudian, dia bertanya hal yang sama beberapa kali. Lantas, baginda bersabda: Jangan marah.

[Al-Bukhari. 2004. Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab al-Hadhar min al-Ghadab, no hadis 6116]

Menurut al-Baji al-Andalusi (1913) hadis ini menyebut bahawa tegahan ini hadir kerana marah banyak merosakkan agama melalui perlakuan seseorang bahkan mendorong kepada perbuatan menyakiti dan disakiti. Justeru, apabila seseorang itu marah, kebiasaannya akan ditunjukkan pada perbuatan mahupun percakapan malah boleh melibatkan orang lain turut berdosa. Namun, marah yang ditegah dalam hadis ini bukanlah perasaan marah itu sendiri kerana perasaan marah itu adalah suatu perkara yang lahiriah dalam diri manusia dan menghilangkannya adalah suatu perkara yang mustahil (al-Munajjid, 2014). Tegahan marah yang dimaksudkan dalam hadis ini adalah tegahan dan suruhan Nabi SAW untuk menjauhi sebab-sebab yang boleh mendatangkan kemarahan kerana ianya berada dalam kawalan manusia. Hal ini juga turut disokong al-Khattabi (1988) di dalam syarahannya ke atas Sahih al-Bukhari.


Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (2001) sabar menerima sesuatu yang telah ditakdirkan mendatangkan ketenangan dalam diri. Damayanti Wardyaningrum (2013) menerangkan kesabaran membawaikan ganjaran pahala sebagaimana dijelaskan dalam agama. Hal ini juga ditekankan oleh al-Qaradawi (2013) mengenai sifat sabar banyak diceritakan di dalam al-Quran malah penceritaan tersebut menyuntik semangat kepada umat agar mengambil pengajaran tentang peristiwa yang berlaku terhadap umat dan nabi-nabi terdahulu melalui sentuhan wahyu. Rentetan itu, sifat sabar sememangnya menzahirkan keharmonian dan kestabilan perhubungan dua hala di samping mengimplementasikan elemen-elemen mahmudah dalam diri (Miskahuddin, 2020).

## **MENYELAMI NILAI-NILAI KEKELUARGAAN DALAM TEKSTUAL HADIS**

Ketamadunan sesebuah masyarakat bermula daripada aspek pembangunan luaran dan dalaman manusia yang seimbang (Al-Qaradawi, 1998). Pembangunan ini sememangnya telah menjadi tunjang dalam pelbagai aspek yang perlu dicakna sebagaimana penjelasan Ibn Khaldun dan Ibn Sina berkenaan pembangunan jiwa dengan unsur-unsur kerohanian perlu seiring dengan pembangunan metarialistik (Tengku, S.A., & Faridah, C.H., 2006). Oleh itu, antara pembangunan jiwa yang boleh membantu pembangunan sesebuah institusi ialah penerapan sifat sabar dalam moral komuniti (Wan Suhaimi, 2013). Sabar banyak dicoretkan di dalam al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW. Terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Suhaib bin Sinan al-Rumi RA di dalam Sahih Muslim di dalam topik perbahasan al-Zuhd wa al-Raqiq, no hadis 2999. Nabi SAW bersabda yang membawa maksud: “Amat teruja bagi seorang mukmin dalam setiap urusan yang dikendalikannya kerana setiap urusannya adalah baik dan itu tidak akan berlaku kepada seorang pun kecuali kepada seorang mukmin (yang sempurna keimanannya). Sekiranya dia memperolehi sesuatu yang menggembirakan dia bersyukur, maka itu adalah kebaikan baginya. Namun, sekiranya dia ditimpa ujian dan dugaan dia bersabar, maka itu adalah kebaikan baginya.

Menurut Miskahuddin (2020) sabar membawa maksud menahan diri daripada keterlanjuran lisan daripada keluhan dan anggota badan daripada melakukan perkara-perkara yang dibenci oleh Allah SWT. Antara amalan yang dicela agama seperti mengherdik, melontarkan kata-kata yang kesat, menimbulkan pertengkaran sesama insan adalah suatu perkara yang ditegah. Mohd Nazeli Ahmad (2009) mengukuhkan lagi pendapat bahawa bertoleransi, berhemah dan berbincang dengan menggunakan pendekatan bahasa yang baik termasuk berfikir sebelum bertindak merupakan perkara-perkara mustahab di sisi syarak. Antara coretan peristiwa sifat sabar yang melibatkan institusi kekeluargaan di dalam kenyataan hadis Nabi SAW seperti dalam rajah 1:

Rajah 1: Nilai-nilai Kekeluargaan dalam Tekstual Hadis



## 1. TUNTUTAN MENUNAIKAN KEWAJIPAN TERHADAP KELUARGA

Daripada 'Aisyah R.A bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُكُمْ خَيْرٌ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرٌ لِأَهْلِي، وَإِذَا مَاتَ صَاحِبُكُمْ فَدَعُوهُ

Maksudnya: Sebaik-baik kamu adalah yang paling baik terhadap ahli keluarganya dan aku adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluargaku. Dan apabila salah seorang daripada ahli keluarga kalian meninggal dunia, maka biarkanlah dia (tinggalkanlah dia dan jangan berbicara tentang keburukannya).

[Al-Tirmidhi. 1999. Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Manaqib, Bab fadl Azwaj al-Nabi, no hadis 3891. Hukum hadis : Sahih]

Al-Mubarakfuri (2008) menjelaskan bahawa kaum keluarga wajar menonjolkan kebaikan dalam akhlak dan tingkah laku. Bahkan saranan baginda Nabi SAW agar umatnya menjauhi mencanang keburukan orang. Hal ini juga termasuk berinteraksi perihal akhlak sesama insan. Sejajar dengan itu, sebuah riwayat daripada Jabir bin Samurah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

أَعْطَى اللَّهُ أَحَدُكُمْ خَيْرًا، فَلْيَبْدأْ بِنَفْسِهِ وَأَهْلَ بَيْتِهِ

Maksudnya: Allah telah memberikan kebaikan setiap dalam kalangan kamu, maka hendaklah dia memulakan (langkah yang baik itu) dengan dirinya dan ahli keluarganya.

[Muslim. 2007. Sahih Muslim, Kitab al-Imarah, Bab al-Nas tab' liQuraisy wa al-Khalifah fi Quraisy, no hadis 1822]

Daripada Abi Sa'id al-Khudri RA berkata: Satu ketika, Rasulullah SAW telah keluar pada waktu pagi (waktu Duha) iaitu selepas waktu subuh ke suatu tempat. Kemudian baginda memandang dan menggalakkan kepada manusia yang hadir. Nabi SAW menyeru kepada kaum wanita agar melakukan sedekah kerana wanita lebih ramai menjadi penghuni di neraka. Kami bertanya kepada baginda: Sebab apa wahai Rasulullah? Nabi SAW bersabda: Kamu banyak melaknat dan mengingkari (nikmat pemberian) suami kamu, aku (nabi) tidak pernah melihat orang yang rendah akal dan agamanya yang mampu menghilangkan kewarasan dan menggoyahkan pendirian seseorang lelaki selain kamu wahai kaum wanita.

Kemudian, mereka semua pulang ke kediaman masing-masing. Apabila baginda Rasulullah tiba di rumah beliau, terdapat dua orang wanita termasuk isteri kepada 'Abdullah bin Mas'ud RA, iaitu Zaynab datang ke rumah baginda untuk berjumpa dan menemui baginda. Lalu, Bilal bin Rabah RA berkata kepada baginda: Wahai Rasulullah, Zaynab ada di halaman rumah. Baginda bertanya:

أَيُّ الْزَّيَانِ؟

Maksudnya: Zaynab yang mana satu?

Bilal bin Rabah menjawab: Zaynab, isteri kepada Ibn Mas'ud. Nabi SAW bersabda:

نَعَمْ أَنْدَثُوا هَا

Maksudnya: Benarkan mereka berdua masuk.

Bilal membenarkan mereka masuk, lalu Zaynab bertanya kepada baginda: Wahai nabi Allah, engkau menyuruh kami pada hari ini untuk melakukan amalan sedekah, sedangkan aku memiliki barang kemas, aku berniat untuk melunaskan tuntutan sedekah tersebut. Walhal, Ibn Mas'ud RA menyangka bahawa dia dan

anaknya lebih berhak memiliki sedekah itu berbanding orang lain. Nabi SAW bersabda:

صَدَقَ ابْنُ مَسْعُودٍ رَّوْجُلٌ وَوَلُدُكِ أَحَقُّ مَنْ تَصَدَّقَتْ بِهِ عَلَيْهِمْ

Maksudnya: Benar kata Ibn Mas'ud, suami dan anak kamu lebih berhak memiliki sedekah kamu berbanding kamu sedekah kepada orang lain.

[Al-Bukhari. 2004. Sahih al-Bukhari, Kitab al-Dhakah, Bab al-Dhakah ala al-Aqarib, no hadis 1462]

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (2001) sedekah dan nafkah wajib didahulukan terhadap keluarga dan kaum kerabat yang terdekat berbanding orang lain.

## 2. MEWUJUDKAN INTERAKSI YANG BAIK DALAM KELUARGA

Sebuah hadis yang diriwayatkan Ali bin Abi Talib RA berkata, baginda Nabi SAW bersabda:

لَا يُتْمَّ بَعْدَ اخْتِلَامٍ، وَلَا صُمَّاتٍ يَوْمٌ إِلَى اللَّيْلِ

Maksudnya: Tidak digelar anak yatim setelah mengalami mimpi (mencapai usia baligh), dan tidak boleh berdiam seharian sehingga membawa ke malam.

[Abu Dawud. 1998. Sunan Abi Dawud, Kitab al-Wasaya, Bab ma ja': Mata yanqata' al-Yutm, no hadis 2873. Hukum hadis: Sahih]

Mulla Ali al-Qari (2001) mengulas satu isu hadis lain mengenai perihal wanita yang dikaitkan dengan lidahnya. Hal tersebut dinyatakan kerana kebanyakan perkara disakiti dengan lisan dan lisanlah paling banyak menyakiti insan. Tambahan lagi, beliau menjelaskan bahawa individu yang dimaksudkan itu melakukan perkara-perkara sunat yang harus ditinggalkan seterusnya dia melakukan perkara-perkara yang jelas diharamkan oleh syarak. Justeru, hal ini juga ditekankan oleh Abadi (2005) di dalam kitab Awn al-Ma'bud 'ala Syarh Sunan Abu Dawud bahawa perkara yang dimaksudkan hadis di atas merupakan larangan daripada melakukan perbuatan jahiliyah yang mana mereka lebih gemar berdiam semasa iktikaf dan lain-lain urusan. Perkara ini juga bertepatan dengan sebuah hadis daripada Abi Ayyub al-Ansari RA berkata, Nabi SAW berpesan di dalam sabdanya:

لَا تَكُلُّ بِكَلَامٍ تَعَنِّدُرُ مِنْهُ عَذَابًا.

Maksudnya: Jangan kamu berkata-kata dengan sesuatu perkataan yang esoknya kamu akan menyesal kelak.

[Ibn Majah. 1997. Sunan Ibn Majah, Kitab al-Zuhd, Bab al-Hikmah, no hadis 3381. Hukum hadis: Hasan].

### **3. MEMUPUK NILAI AGAMA DALAM KELUARGA YANG DITIMPA DUGAAN**

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Usamah bin Zayd RA menceritakan: Satu ketika, anak perempuan baginda Nabi SAW (Zaynab) mengutuskan seorang utusan untuk memberitahu kepada baginda tentang keuzuran yang dialami oleh anaknya (anak Zaynab). Kemudian, baginda membalas surat itu dan diserahkan kembali kepada utusan Zaynab bersaksikan dua orang sahabat iaitu Sa'd bin Abi Waqas dan Ubay bin Ka'b. Baginda memulakan tinta kalamnya dalam surat itu dengan ucapan salam. Lantas, Nabi SAW bersabda:

إِنَّ لِلَّهِ مَا أَخْدَى وَلَهُ مَا أَعْطَى وَكُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ مُسْمَى فَلْتَصْبِرْ وَلْتَحْسِبْ

Maksudnya : Sesungguhnya kita ini adalah milik Allah, apa yang Allah beri atau Dia ambil adalah milik-Nya, dan semua perkara yang dicatat oleh Allah ada kesudahannya. Maka, bersabarlah dan harapkan pahala atau ganjaran daripada Allah. Kemudian, baginda datang ke rumah Zaynab bersama-sama dengan dua orang sahabat baginda (Sa'd bin Abi Waqas dan Ubay bin Ka'b). Di samping itu, baginda mendakap bayi tersebut (anak Zaynab yang sakit). Lalu, baginda Rasulullah menangis. Sa'd pun bertanya kepada baginda:

مَا هَذَا يَا رَسُولَ اللَّهِ؟

Maksudnya: Wahai Rasulullah, kenapa engkau menangis?

Nabi SAW bersabda:

هَذِهِ رَحْمَةٌ وَضَعَهَا اللَّهُ فِي قُلُوبِ مَنْ شَاءَ مِنْ عِبَادِهِ وَلَا يَرْحَمُ اللَّهُ مِنْ عِبَادِهِ إِلَّا الرُّجْمَاءُ

Maksudnya: Ini adalah kasih sayang yang telah ditetapkan oleh Allah ke dalam hati hamba-hamba-Nya yang dikehendaki dan Allah tidak merahmati hamba-hamba-Nya itu melainkan mereka mengasihi sesama mereka.

[Al-Bukhari. 2004. Sahih al-Bukhari, Kitab al-Marda, Bab ‘Iyadah al-Sibyan, no hadis 5655]

Kesejahteraan moral menghidupkan keharmonian masyarakat sejagat dalam mendepani komuniti yang pelbagai peringkat. Menzahirkan sifat-sifat mahmudah seperti reda, syukur, menjaga lidah, menerima ketentuan Allah dengan hati yang terbuka serta sabar bakal membina sebuah keluarga yang dinamik bahkan mampu menghindarkan konflik dalam keluarga yang ditimpa musibah (Abu Dzar Ahmad, 2019).

### **MENYEMAI KEHARMONIAN DALAM INSTITUSI KELUARGA**

Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada al-Zuhri, daripada Abu Salamah bin Abdul Rahman, bahawa Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW mencium Hasan bin Ali

(cucu baginda), dan disisinya ada sahabat bernama al-Aqra' bin Habis al-Tamimi, lalu dia berkata: Sesungguhnya aku mempunyai sepuluh orang anak lelaki, namun aku tidak pernah mencium seorang pun daripada mereka. Lalu Rasulullah SAW memandang kepadanya kemudian bersabda:

مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ

Maksudnya: Sesiapa yang tidak mengasihi (sesama makhluk), dia tidak akan dikasihi (oleh Allah dan penduduk langit).

[Al-Bukhari. 2004. Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab Rahmah al-Walad wa Taqbilah wa Mu'anaqatih, no hadis 5997]

Islam mendidik umatnya untuk saling menyayangi antara satu sama lain kerana melalui persaudaraan itu boleh menguatkan hubungan ukhuwah sesama umat lebih-lebih lagi hubungan yang melibatkan kekeluargaan. Justeru, memupuk interaksi yang baik di samping menyemai akhlak yang mulia mewujudkan hubungan yang sejahtera dan harmoni dalam komuniti keluarga (Rusydi Room, 2013).

## PENDEKATAN SABAR DALAM INSTITUSI KEKELUARGAAN

Islam amat menitikberatkan aspek kekeluargaan bahkan mengiktiraf institusi keluarga sebagai tunjang utama dan permulaan dalam pembentukan masyarakat dan komuniti setempat (Nooh Gadot, 2013). Hal ini jelas kerana seseorang itu mula terbentuk peribadi dan karakternya bermula daripada keluarga dan komuniti persekitaran yang hampir (Jalaluddin Rahmat, 1996). Oleh itu, institusi kejiranan juga boleh diumpamakan batuan binaan yang lebih besar iaitu asas pembinaan masyarakat madani. Sekiranya batuan tersebut utuh, nescaya binaan yang ingin diwujudkan itu akan kukuh dan tidak mudah rapuh begitulah sebaliknya. Memupuk sifat sabar seseorang khususnya memerlukan penerapan jati diri individu berpandukan akhlak dan nilai-nilai murni dalam Islam yang dizahirkan (Abd Aziz Yusof, 2012). Justeru, persekitaran institusi komuniti berperanan dalam membentuk karakter seseorang itu terkesan sehingga boleh mempengaruhi tingkah laku orang di sekeliling mereka (Hybels & Weaver, 1992).

### 1. SABAR DIPUPUK DARI USIA KECIL

Daripada Anas bin Malik RA berkata: Baginda Nabi SAW melalui dihadapan seorang wanita yang sedang menangisi di kubur. Maka, baginda Nabi SAW bersabda:

اتَّقِيَ اللَّهَ وَاصْبِرْي

Maksudnya: Bertakwalah kepada Allah dan bersabarlah.

Lantas, wanita itu berkata: Pergilah kamu menjauhi aku, sesungguhnya engkau tidak ditimpa ujian sebagaimana aku ditimpa musibah sedangkan engkau tidak

tahu. Maka, wanita tersebut mendatangi pintu rumah Nabi SAW dan dia tidak mendapati penjaga-penjaga pintu. Lalu, wanita itu berkata: Sesungguhnya aku tidak mengenali engkau. Baginda Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا الصَّبَرُ عِنْدَ الصَّدْمَةِ الْأُولَىٰ

Maksudnya: Sesungguhnya kesabaran itu ada pada kejutan yang pertama. [Al-Bukhari. 2004. Sahih al-Bukhari, Kitab al-Janaiz, Bab Ziyarah al-Qubur, no hadis 1283]

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (2001) apabila berhasilnya ketetapan hati, perkara itu dapat menggantikan perihal duka yang mengejutkan bahkan menusuk jiwa, maka itulah kesabaran yang sempurna serta menperolehi pahala yang istimewa. Hal ini juga pernah dibuktikan dalam beberapa kajian bidang psikologi dan antara yang paling masyhur adalah eksperimen yang pernah dijalankan oleh Albert Bandura pada tahun 1961 yang dinamakan sebagai ‘Eksperimen Patung Bobo’ (Lester, D. C. & Alice, V. B. C., 1965). Eksperimen ini telah dijalankan bagi mengkaji hubungan antara keganasan dan kesannya kepada perangai dan perwatakan kanak-kanak. Albert Bandura berpandangan bahawa pembelajaran itu terhasil menerusi pemerhatian dan interaksi antara satu sama lain. Menurut sudut yang lain, manusia belajar dengan cara menonton dan meniru sesuatu perbuatan (Adam, J. F., 1976).

Hasil yang dicapai daripada eksperimen ini telah membenarkan teori Albert Bandura yang mana eksperimen ini menunjukkan kanak-kanak yang dide dahukan kepada model agresif cenderung untuk meniru gaya model tersebut walaupun ketika ketiadaan model (Brommel, Bernard J & Galvin, Kathleen M., 1986). Sehubungan dengan itu, pendekatan ibu bapa seharusnya menjawai nasihat dan bimbingan dalam keluarga bagi membentuk karakter anak supaya tingkah laku dan perbuatan terserah (Faizatul Najihah Mohd Azama & Faudzinain Badaruddin, 2014).

## **2. PRAKTIKAL SABAR DALAM INSTITUSI SOSIAL**

Pergeseran yang berlaku dalam institusi kekeluargaan tidak dapat dinafikan kerana lumrah hidup berkeluarga sentiasa ada pasang dan surutnya (Sukino, 2018). Fenomena yang melibatkan institusi kekeluargaan sewajarnya memupuk sifat-sifat mahmudah seperti menyemai sifar sabar, reda dan berkata baik bagi membudayakannya keluarga dalam sosial masyarakat sama ada ditonjolkan dalam perilaku mahupun tutur kata (Sulaiman Ibrahim, 2000). Oleh demikian, sabar perlu diterap dalam elemen kendiri membantu menyemai keharmonian dalam urusan harian kerja untuk dicapai (Tengku & Faridah, 2006). Pendekatan sabar dalam perselisihan pendapat itu perlu diimplementasikan. Hal ini kerana apabila pertengkar dan perbalahan itu berlaku dan tidak dapat dielakkan, maka sabar menjadi kunci untuk dilerakan secara harmoni (Syed Omar Syed Agil al-Attas & Salina Zainol, 1994).

Namun, nilai akhlak dan sikap yang dituntut agama dalam perkara yang membabitkan institusi keluarga malahan mewujudkan kesejahteraan dalam kehidupan

berkomuniti (Wan Suhaimi, 2013). Sebagaimana perkara tersebut diceritakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran dalam Surah al-Hujurat, ayat 4 dan 5 yang bermaksud:

*“Sesungguhnya orang yang memanggil engkau (Muhammad) dari luar kamar (kamu), kebanyakan mereka tidak mengerti. Dan, sekiranya mereka bersabar sampai engkau keluar menemui mereka, tentu akan lebih baik bagi mereka. Dan, Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.*

Menurut Ibn Kathir (1997), Allah mencela tindakan orang yang memanggil Nabi SAW dari luar Hujurat iaitu rumah yang dihuni oleh isteri-isteri baginda Nabi SAW seperti kebiasaan yang diamalkan masyarakat Arab yang kasar. Jika ayat sebelumnya menekankan kebaikan yang diraih oleh mereka yang merendahkan suaranya di hadapan Nabi SAW kerana sifat hormat kepada baginda. Maka, ayat di atas mengecam mereka yang mengeraskan suaranya di hadapan baginda Nabi SAW. Senada dengan pandangan al-Tabari bahawa Allah memerintahkan agar mereka menghormati dan memuliakan Nabi SAW. Melalui ayat di atas bukanlah bererti bahawa orang-orang diperintahkan untuk menghormati dan menghargai hanya kepada Nabi SAW, walhal setiap insan wajar menghargai dan menghormati antara satu sama lain meskipun keluarga sendiri. Justeru, hubungan persekitaran yang melibatkan institusi keluarga perlu mempraktikkan sifat yang baik di samping memelihara ketenteraman dalam persekitaran (Al-Mazyad, 2012). Hal ini senada dengan satu hadis daripada Abi Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيَقْرَأْ حَيْرًا، أَوْ لِيَصُمُّثُ،

Maksudnya: Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka berkata-katalah dengan perkataan yang baik atau lebih baik diam sahaja.,

[Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab man kan yu'min billah wa al-youm al-Aakhir fala yu'dhi jarah, no hadis 6018]

Menurut al-Munawi (1972), perkara yang disebut Nabi SAW merupakan tuntutan yang menyentuh urusan agama bahkan kenyataan baginda Nabi SAW menekankan pertuturan yang baik kerana perkara tersebut berkait rapat kedudukan serta perihal kepada Allah SWT dan hari akhirat.

## METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini menggunakan kaedah deskriptif dan tematik sebagai pendekatan kualitatif. Artikel ini menyemai pendekatan sifat sabar dalam tingkah laku institusi kekeluargaan melalui saranan yang dianjurkan oleh baginda Nabi SAW. Artikel ini menyingkap beberapa inti pati hadis-hadis Nabi SAW yang mempunyai keterkaitannya dengan elemen sabar. Justeru, hadis-hadis yang menyentuh isu-isu berkaitan sabar

diketengahkan bagi menjadikan kandungan tersebut sebagai panduan. Metodologi kajian yang dikemukakan ialah menganalisis isu-isu yang telah dikumpul dan membuat kesimpulan secara umum menggunakan kaedah deduktif (Sugiyono, 2005). Artikel ini menganalisis kandungan perbincangan yang diperolehi daripada sumber primer yang dipilih termasuk isu-isu semasa yang berlaku dengan menggunakan penyelesaian kaedah yang dianjurkan baginda Nabi SAW. Artikel ini memaparkan hadis-hadis yang membicarakan tentang kesan mengamalkan sifat sabar boleh memelihara keharmonian persekitaran komuniti kekeluargaan. Pendekatan kaedah tematik dalam artikel ini digunakan bagi menangani isu-isu ketirisan tingkah laku. Artikel ini meninjau kenyataan hadis-hadis baginda Nabi SAW dari perspektif pendidikan moral akhlak dan perbuatan agar hadis-hadis yang dibawa dapat dipupuk dan menjadi budaya dalam masyarakat (al-Omoush, 2010).

## KESIMPULAN

Sabar merupakan kemuliaan akhlak yang diterjemahkan dalam diri manusia. Sifat sabar juga merupakan praktikal yang mencabar jiwa dan tekanan persekitaran terutamanya kredibiliti ibu bapa dalam institut keluarga. Mereka yang memiliki sifat sabar merupakan individu yang sentiasa tenang, tenteram dan harmoni dalam setiap perkara yang dilakukan. Selain daripada menahan diri terhadap bencana dan ujian yang menimpa, sabar juga menerapkan kemakmuran dan kesejahteraan yang utuh dalam jiwa individu bermasyarakat. Mewujudkan sifat sabar dalam tutur kata dan tingkah laku sebenarnya boleh memberi implikasi yang positif dalam keputusan yang diambil. Pengamalan sifat sabar dalam tingkah laku dan percakapan mendatangkan kebaikan kepada diri ke arah pembentukan sebuah masyarakat madani yang dinamik. Secara tuntasnya sifat sabar ialah hasil integriti suatu pakej nilai-nilai murni dalam keluarga apabila diamalkan bahkan memaparkan ketakwaan dalam diri seorang insan selain daripada sifat-sifat mahmudah yang seadanya. Sabar mencerminkan ibadah, kerana sabar itu sesuatu amalan yang indah. Sabar sememangnya payah, kerana sabar balasannya jannah.

## RUJUKAN

- Abadi, Syaraf al-Haq al-Adhim. (2005). Awn al-Ma’bud ‘ala Syarh Sunan Abi Dawud. Penilai: Abu Abdullah al-Athari. Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Abdullah Basmeih. (1983). Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an. Cet. Ke 6. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Abd Aziz Yusof. (2012). Pembangunan Holistik dari Perspektif Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Asa’ath al-Sajastani. (1998). Sahih Abu Dawud. Penilai: Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Sa’udi: Maktabah al-Ma’arif li Nasyr wa al-Tauzi’.

- Abu Dzar Ahmad. (2019). Kerelevenan Uslub Nabi SAW Dalam Komunikasi Masyarakat Masa Kini. *Al-Sirat*, Bil. 18, 2019M/1441H, hlm. 185-199. Kuantan: Jabatan Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BPI) Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).
- Abd Jalil Borham. (2007). *Asas Pembangunan Modal Insan*. Pahang: Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP).
- Adam, J. F. (1976). *Understanding Adolescence*. Boston: Allyn and Bacon Inc.
- Ahmad bin Hanbal. (2009). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Penilai: Ahmad Ma'bad Abd al-Karim. Sa'udi: Dar al-Minhaj.
- Al-Baji al-Andalusi. (1913). *Al-Muntaqa Syarh al-Muwatta*. Mesir: Matba'ah al-Sa'adah.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (2004). *Sahih al-Bukhari*. Penyusun: Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi. Al-Qahirah: Dar Ibnu al-Haytham.
- Al-Khattabi, Hamad bin Mohamed. (1988). *I'lam al-Hadith fi Syarh Sahih al-Bukhari*. Penilai: Mohammed Sa'd Aal Sa'ud. Saudi: Universiti Umm al-Qura (Markaz al-Buhuth al-'Ilmiyah wa Ihya al-Turath al-Islami).
- Al-Nasa'i, Abdul Rahman bin Syu'aib. (1998). *Sahih Sunan al-Nasa'i*. Penilai: Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Saudi: Maktabah al-Macarif li Nasyr wa al-Tauzi'.
- Al-Mubarafuri, Mohamad Abdul Rahman. (2008). *Tuhfaz al-Ahwazi Syarh al-Jami' al-Tirmidhi*. Damascus: Dar al-Fikr.
- Al-Mazyad, A. U. (2012). *Penjelasan Tuntas Tentang Sabar dan Syukur sebagai Jalan Untuk Meraih Kebahagiaan*. Jawa Barat: Darul Haq.
- Al-Munajjid, Muhammad Salih. (2014). *Kaedah Rasulullah SAW Menegur Kesilapan*. Terj: Nor Aini Ismail. Petaling Jaya: Dakwah Corner Publications Sdn. Bhd.
- Al-Munawi, Mohamad Abdul Rauf. (1972). *Faid al-Qadir Syarh al-Jami' al-Munawi*. Beirut-Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Omoush, Ahmad Muhammad Falih. (2010). *Al-Talatuf fi Lughah al-Qur'an al-Karim*. Jordan: Universiti Al-Albayt.
- Al-Qadi Iyyad. (1998). *Syarh Sahih Muslim li Qadi Iyyad al-Musamma Ikmal al-Mu'allim bi Fawa'id Muslim*. Penilai: Yahya Isma'il. Mansourah: Dar al-Wafa' li Taba'ah wa al-Nasyr.
- Al-Qaradawi, Yusuf Abdullah. (1998). *Al-Sunnah Masdarli li Ma'rifah wa al-Hadarah*. Mesir: Dar al-Syuruq.
- Al-Qaradawi, Yusuf Abdullah. (2013). *Mukjizat Sabar dalam al-Quran*. Kuala Lumpur: PTS Publication Darul Furqan Sdn. Bhd.
- Al-Tirmidhi, Abu 'Isa Mohamed bin Suwrah. 2000. *Sunan al-Turmudhi*. Penilai: Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Sa'udi: Maktabah al-Ma'arif li Nasyr wa al-Tauzi'.

- Brommel, Bernard J & Galvin, Kathleen M. (1986). Family Communication, Cohesion and Change. USA: Foresman & Company.
- Damayanti Wardyaningrum. (2013). Komunikasi Untuk Penyelesaian Konflik Dalam Keluarga: Orientasi Percakapan Dan Orientasi Kepatuhan. Vol. 2, No. 1. Jakarta: Jurnal Al-Azhar.
- Faizatul Najihah Mohd Azama & Faudzinaim Badaruddin. (2014). Nilai-Nilai Pembangunan Modal Insan Menurut Al-Ghazali. International Journal of Islamic and Civilization Studies, Vol. 3, No. 1 (2016): 11-27. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Jabatan Usuluddin dan Falsafah UKM.
- Fuad Anshori. (2002). Agenda Psikologi Islam. Yogyakarta, Indonesia: Pustaka Pelajar.
- Ibn Hajar Al-Asqalani. (2001). Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari. Penyemak: Abd al-Qadir Syaibah al-Hamad. Arab Saudi: Sahib al-Sami al-Maliki al-Amir al-Sultan bin Abd al-Aziz Aal Sa'ud.
- Ibn Kathir, Ismail bin Kathir. (1997). Tafsir al-Qur'an al-Adhim. Penilai: Sami bin Muhammad al-Salamah. Riyad: Dar Tayibah li Nasyr wa al-Tauzi'.
- Ibn Qayyim Al-Jauziyah. (2019). Al-Wabil al-Sayyib wa Rafi' al-Kalim al-Tayyib. Penyemak: Abd al-Rahman Hasan Qaid. Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Hazwan Faisal Mohamad. (2017, April 02). Institut Keluarga Kukuh, Benteng Pengaruh Negatif. Berita Harian. Retrieve from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/04/267130/institusi-keluarga-kukuh-benteng-pengaruh-negatif>
- Hybels, S. & Weaver, R. (1992). Communicating Effectively. New York: McGraw-Hill.
- Ibn Majah, Abu Abd Allah, Muhammad bin Yazid al-Qazwini. 1997. Sahih Sunan Ibn Majah. Penilai: Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Sacudi: Maktabah al-Ma'rif li Nasyr wa al-Tauzi'.
- Jalaluddin Rahmat. (1996). Islam Aktual. Jakarta: Mizan Sdn Bhd.
- Ku Zaimah Che Ali dan Mardzelah Makhisin. (2019). Kesantunan Bahasa: Definisi dan Bahasa. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri, Vol. 2, No. 1, hal. 81-101. Kuala Nerus: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Lester, D. C. & Alice, V. B. C. (1965). Adolescent Development and Adjustment. New York: Mc Graw-Hill.
- Madihah Mohamad Shukri. (2022, Disember 13). Konflik Kerja-Keluarga: Implikasi Negatif Terhadap Kesihatan. Astro Awani. Retrieve from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/konflik-kerjakuerga-implikasi-negatif-terhadap-kesihatan-396575>
- Miskahuddin. (2020). Konsep Sabar Dalam Perspektif Al-Quran. Jurnal Ilmiah Al-Mua'shirah, Vol. 17, Bil. 2 (Julai 2020): 196-207. Banda Aceh: Fakultas Ushuluddin dan Filsafat, Universitas Islam Negeri (UIN) Ar-Raniry.

- M.M. Zafir dan Fazilah, M.H. (2006). Stress Di Tempat Kerja dan Kesannya Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. *Malaysian Journal Of Community Health 2006*: Vol. 12. Bangi: Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nazeli Ahmad. (2009). Prinsip-prinsip al-Qur'an tentang Kesantunan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Muhammad Nubli. (2007). Proses Pembangunan Modal Insan dalam Modal Insan, Konsep, Aplikasi & Isu-Isu Kontemporari dalam Cabaran Pemerkasaan Tamadun Islam. Pahang: Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP).
- Mohd Yusuf Ismail & Syed Najihuddin Syed Hassan. (2011). Pendekatan Nabawi Dalam Membentuk Remaja Muslim Sejati. *Jurnal Hadith* (Edisi Tahun Akhir), Bil. 2, 2011M/1433H, hlm. 31-45. Bangi: Institut Kajian Hadith dan Akidah (INHAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Mulla Ali Al-Qari. (2001). *Mirqah al-Mafatih Syarh Misyakah al-Masabih*. 2001. Penilai: Jamal al-Aytain. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. 2008. *Sahih Muslim*. Penyusun: Mohammed Tamer. Mesir: Matba'ah al-Madani.
- Nooh Gadot. (2013). Kertas Kerja: Masyarakat, Pendidikan dan Pembentukan Keluarga Islam Berkualiti. JAKIM: Laporan Tahunan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 2013.
- Norzina Yahaya. (2021, Januari 27). Keluarga Antara Punca Individu Alami Tekanan. Sinar Harian. Retrieve from <https://www.sinarharian.com.my/article/121101/khas/wacanaquran/keluarga-antara-punca-individu-alami-tekanan>
- Nur Yani Che Hussin. (2020). Tafakkur Sebagai Intervensi Psikoterapi dalam Menghadapi Tekanan Emosi di Tempat Kerja. *Jurnal Al-Haady Fakulti Pengajian Islam*, Bil. 01, (2020): 28-33. Kuantan: Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).
- Onong Uchjana Effendi. (2000). Dinamika Komunikasi. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Omar Ahmad. (2021, Julai 2021). Lelalki Ditikam ketika Lerai Pergaduhan Jiran. Berita Harian. Retrieve from <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2021/07/841429/lelaki-ditikam-ketika-lerai-pergaduhan-jiran>
- Rusydi Room. (2013). Konsep Kesantunan Berbahasa dalam Islam. *Jurnal Adabiyah*, Vol. XIII, hal. 223-234.
- Sukino. (2018). Konsep Sabar Dalam Al-Quran dan Kontekstualisasinya dalam Tujuan Hidup Manusia Melalui Pendidikan. *Jurnal RUHAMA*, Vol. 1, No. 1 (Mei 2018), hal. 63-77. Indonesia: Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan (FTIK) IAIN, Manado.

- Sulaiman Ibrahim. (2000). *Dakwah Dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sugiyono. (2005). *Memahami Penelitian Kualitatif*. Bandung: ALFABET.
- Syed Omar Syed Agil al-Attas & Salina Zainol. (1994). *Islam dan Cabaran Era Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Tengku S. A. & Faridah, C.H. (2006). Pendekatan Kaunseling dalam Dakwah Bagi Kesejahteraan Insan dan Peradaban Ummah. *Jurnal Usuluddin*, Vol. 23, No. 1 (Mei 2018), hal. 199-216. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM).
- Wan Suhaimi. (2013). *Ibn Sina dan Pembangunan Modul Insan: Analisis Kitab Al-Siyasah*. Kuala Lumpur: Centre for Advanced Studies on Islam Science and Civilazation. World Health Organization. (2003). *Investing Mental Health*. doi.org/10.1093/heapro/dar059